




مجلس بنداري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544 | Faks : 603 - 7958 1494 | Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020
E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my



Ruj. Tuan: PWN.SEL.700-1/3/2(8)

Ruj. Kami : MBPJ/021300/T/B1

Tarikh: 29 JUL 2021

Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 2, Bangunan SSAAS
40592 Shah Alam
Selangor DE

(U/p: Dato' Haji Haris Bin Kasim)

Tuan,

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS
BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI
DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya surat tuan ruj: PWN.SEL.700-1/3/2 (8) bertarikh 12 Julai 2021 berkenaan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, dikemukakan maklum balas kepada input dan cadangan yang telah dibangkitkan seperti di Lampiran A.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH NIK NAZLI BINTI NIK ABDULLAH AMS)

Pengarah Jabatan Perbendaharaan

b.p. Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
1	YB Taman Medan	Keseriusan Kerajaan Negeri terhadap program saringan dengan jumlah peruntukan yang besar. Program ini perlu diteruskan kesinambungannya dengan program vaksinasi.	Kerajaan Negeri telah membuat inisiatif saringan bersasar di bawah adun dan program ini boleh dicadangkan untuk dibuat secara berterusan
2	YB Bandar Utama	-Belanjawan harus diletakkan pada polisi pemvaksinan, polisi bantuan, polisi pekerjaan, polisi ekonomi, kerana semua ini berkaitan dengan kelangsungan hidup para penduduk dan warga Selangor. -Wujudkan hubungan komunikasi yang lebih berkesan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk Mempercepatkan dan memudahkan temujanji pemberian vaksin.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah terlibat dalam penyediaan dewan sivik dan logistik sebagai pusat pemberian vaksin

B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
1	YB Bukit Lanjan	- Kerajaan Negeri melihat semula ventilasi dan pembersihan penyaman udara di semua pejabat kerajaan dalam usaha pembendungan COVID-19 di tempat kerja	Dicadangkan kerja-kerja penyelenggaraan penyaman udara perlu dibuat secara berkala disamping pematuhan amalan sop pencegahan covid-19 di kalangan pekerja. Selain itu, pihak pengurusan juga boleh membuat kerja-kerja disinfeksi secara sendiri di ruang kerja/pejabat

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

C. PENGURUSAN EKONOMI/ KEWANGAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARI PADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGensi
1	YB Bukit Lanjan	- Kerajaan Negeri perlu melihat semula peruntukan ADUN sedia ada dan 30% dimansuhkan dan diberikan direct grant serta merta supaya bantuan dapat disalurkan kepada rakyat dengan lebih efektif. -Tambah pelaburan dalam sektor kesihatan dan boleh diperluaskan melalui GLC dan penglibatan pihak swasta contoh Program pembangunan fasiliti kesihatan vaksin. -Menilai semula Program/ projek yang memberikan manfaat atau hasil kepada rakyat kerana terdapat projek yang tidak memberikan nilai yang menyakinkan contohnya projek agrofarming yang tidak Berjaya tetapi masih diberikan peruntukan.	Peruntukan ADUN tidak diperuntukkan oleh Majlis. Walaubagaimanapun untuk kawasan-kawasan ADUN, Majlis menyediakan peruntukan Ahli Majlis Majlis dalam preses penyediaan bajet 2022 dan akan mempertimbangkan tambahan pelaburan dalam sektor kesihatan selepas melihat anggaran hasil yang dapat dikutip pada tahun 2022. Majlis telah melaksanakan proses semakan semula peruntukan 2021, Majlis akan melaksanakan program/projek berdasarkan kepada keutamaan Majlis
2	YB Bandar Utama	-Inisiatif pengurangan cukai kepada pihak yang membantu Kerajaan Negeri dalam membendung penularan wabak COVID-19.	Untuk makluman, berhubung inisiatif pengurangan/ pengecualian cukai taksiran di peringkat Majlis, bagi tahun 2021 pihak Majlis telah memberikan pengecualian cukai taksiran semasa kepada semua pemilik kediaman kos rendah dan kediaman kampung yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM 5.8 juta. Selain itu, pihak Majlis juga memberikan pertimbangan pengurangan cukai taksiran khusus kepada pemilik harta yang terdiri daripada golongan OKU yang memenuhi syarat bagi meringankan beban penduduk Petaling Jaya khususnya di dalam mendepani cabaran di waktu yang sukar ini.
3	YB Sungai Buloh (MP)	-Pendapatan Kerajaan Negeri akan berkurangan. Dicapangkan Kerajaan Negeri untuk menggunakan rizab dan jika perlu buat pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.	Untuk Makluman, Majlis dalam proses penyediaan Bajet 2022. Penggunaan Rizab majlis akan dipertimbangkan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan perlu dan memberi impak kepada penduduk.

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

F. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
1	YB Petaling Jaya (MP)	-Bantuan sokongan kepada golongan B40 dan M40 dengan memberikan pelepasan sewa dan Bantuan kepada IKS.	Adalah dimaklumkan di dalam mendepani Pandemik Covid 19, pihak Majlis amat prihatin berkenaan situasi penyewa - penyewa Majlis khususnya penyewa Komersial Majlis . Justeru itu , bagi membantu penyewa Majlis yang terjejas samada secara langsung atau tidak langsung disebabkan pematuhan ke atas SOP Covid 19 , maka satu insentif sewaan telah dilaksanakan bagi penyewa Komersial Majlis mulai April 2021 sehingga Disember 2022 yang mana ia memberikan implikasi kewangan sebanyak RM 1.3 juta .
2	YB Seri Setia	-Mengurangkan kos sewaan kios/ gerai atau diberikan pengecualian sewa ketika PKP.	Pada ketika ini, pihak Majlis sedang di peringkat kajian bagi Cadangan Pengurangan Bayaran Sewa Pasar Awam milik Majlis Bandaraya Petaling Jaya khususnya bagi kategori perniagaan yang terjejas secara "TOTAL" disebabkan larangan berniaga yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan akan melaksanakannya sebaik sahaja mendapat kelulusan di peringkat Majlis.

PENGESAHAN KETUA JABATAN


HAJAH NIK NAZLI BINTI NIK ABDULLAH A.M.s
 Pengarah Jabatan Perbendaharaan
 b.p Datuk Bandar
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya